

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2002/2003

April/Mei 2003

JKE 317/318 – Perdagangan Antarabangsa

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.


Jawab SEMUA soalan. Jawapan hendaklah dibuat pada ruang yang disediakan di atas kertas soalan ini.

SERAHKAN KESELURUHAN KERTAS SOALAN INI KEPADA KETUA PENGAWAS.

JANGAN DICERAIKAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA KERTAS SOALAN INI.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

1. Perhatikan Rajah 1 di bawah. Dengan menggunakan maklumat yang diberi jawab soalan (a) hingga (j).



Rajah 1

Diberi Xi sebagai titik asal pengeluaran komoditi eksport

Mi sebagai titik asal penggunaan komoditi import

AB sebagai keluk transformasi

UV sebagai keluk puas sama masyarakat

PPi sebagai harga dunia

Andaikan negara tersebut mengalami pertumbuhan di sektor import. Di atas rajah yang asal;

- (a) Tunjukkan perubahan yang berlaku ke atas keluk transformasi selepas pertumbuhan tersebut dan labelkan A^1B^1 .

(2 markah)

- (b) Tandakan titik pengeluaran sebagai Q sekiranya negara tersebut masih berdagang di pasaran bebas (selepas pertumbuhan) dengan syarat niaga yang sama (harga dunia yang serupa).

(2 markah)

- (c) Tandakan titik penggunaan sebagai C sekiranya negara tersebut masih berdagang di pasaran bebas (selepas pertumbuhan) dengan syarat niaga yang sama.

(2 markah)

Katakanlah negara tersebut mengenakan tarif ke atas barang yang diimport selepas pertumbuhan berlaku:

- (d) Lakarkan kesannya ke atas harga domestik selepas tarif tersebut dan labelkan D^1D^1 .

(2markah)

- (e) Tandakan titik pengeluaran sebagai Q^1 selepas tarif tersebut.

(2 markah)

- (f) Tandakan titik penggunaan sebagai C^1 selepas tarif tersebut.

(2 markah)

- (g) Pertumbuhan boleh membawa keburukan kepada negara besar, terutama negara yang mengeksport komoditi utama. Jelaskan.

(4 markah)

- (h) Takrifkan 'pertumbuhan menguncup'


(3 markah)

- (i) L (buruh) bertambah DUA kali ganda tetapi Y (pendapatan) bertambah kurang dari DUA kali ganda. Huraikan kenyataan ini.

(3 markah)

- (j) Sekiranya kadar teknikal meningkat dua kali ganda di kedua-dua sektor, lakarkan secara grafik kesannya ke atas keluk transformasi negara tersebut. Gunakan Rajah 2 di bawah.

(3 markah)



Rajah 2

2. Adam Smith berpendapat bahawa kebajikan sesuatu masyarakat dapat ditingkatkan sekiranya pasaran (perdagangan) bebas diamalkan dengan setiap masyarakat (negara) mengkhusus dalam pengeluaran barangan yang mereka mempunyai kebaikan MUTLAK.

(a) Apakah sumbangan/pendapat Heckscher-Ohlin dalam konteks 'kebaikan MUTLAK' ini?

(3 markah)

(b) Perdagangan bebas belum pasti memberi kebaikan kepada sesebuah negara yang sedang membangun. Jelaskan.

(4 markah)

- (c) Walaupun begitu 'sekatan ekonomi' lebih membawa keburukan dari kebaikan. Lakarkan secara grafik dengan menunjukkan kesan negatif tarif ke atas pengeluaran domestik dan penggunaan domestik serta lebihan pengguna.

(3 markah)

- (d) Keberkesanan tarif bergantung kepada faktor keanjalan. Terangkan.

(4 markah)

- (e) Selain daripada faktor keanjalan, berikan DUA lagi faktor yang mempengaruhi keberkesanan tarif.

(2 markah)

(i) _____

(ii) _____

- (f) Apakah pendapat hujah industri Muda?

(4 markah)

- (g) Bincangkan persamaan dan perbezaan kesan subsidi pengeluaran dan tarif import.

(5 markah)

3. Sebuah industri pengeluaran komputer telah dilawati oleh pelajar PJJ USM. Mereka diminta menjawab beberapa soalan yang berkaitan dengan tarif.

Di beri satu unit komputer berharga

$$P = \text{RM } 1000$$

input untuk mengeluarkan satu unit komputer ialah RM 600 dan koefisien input pertengahan (a) ialah 0.6 dan oleh itu nilai input pertengahan ialah $aP = \text{RM}600$

- (a) cari nilai tambah (v)

(5 markah)

- (b) andaikan tarif nominal (t) sebanyak 40 % di kenakan ke atas komputer tersebut berapakah nilai perlindungan tarif berkesan (e)

(5 markah)

- (c) Sekiranya komputer dikenakan tarif nominal (t) sebanyak 40% dan input pertengahan dikenakan tarif (ti) pada kadar 20 %, cari nilai perlindungan tarif berkesan (e).

(5 markah)

- (d) Sekiranya komputer dikenakan tarif nominal (t) sebanyak 20% dan input pertengahan di kenakan tarif (ti) sebanyak 10 %, cari nilai perlindungan tarif berkesan (e).

(5 markah)

- (e) Apakah rumusan anda tentang tarif nominal dan perlindungan sebenar berdasarkan jawapan anda kepada (c) dan (d)?

(5 markah)

4. Soalan berikut adalah berkaitan dengan keluk penawaran dan kesan-kesan tarif.

- (a) Setiap titik di sepanjang keluk penawaran sesebuah negara menunjukkan

(4 markah)

- (b) Tunjukkan secara grafik bagaimana keluk penawaran sesebuah negara diperolehi.

(5 markah)

- (c) Sebutkan tiga faktor yang menyebabkan keluk penawaran bergerak ke kiri.

(6 markah)


- (i) _____

- (ii) _____

- (iii) _____


- (d) Di beri Rajah 3 seperti di bawah dan P_1 ialah syarat niaga dan OA ialah keluk penawaran bagi negara bernama Mauri. Andaikan negara Mauri mengenakan tarif ke atas barang importnya, tunjukkan perubahan (sekiranya ada) ke atas keluk penawaran negara tersebut sekiranya Mauri ialah sebuah negara Besar.

(5 markah)



Rajah 3

- (e) Andaikan sebuah negara lagi katakan negara Polinesia berdagang dengan negara Mauri pada syarat niaga yang diberi iaitu P_1 . Andaikan kedua-dua negara merupakan negara kecil.



Rajah 4

- i) Lakarkan keluk penawaran bagi negara Mauri.
- ii) Tandakan titik keseimbangan sebagai G selepas negara Mauri mengenakan tarif sekiranya negara Polinesia tidak bertindak balas.
- iii) Tandakan titik keseimbangan sebagai H sekiranya negara Polinesia bertindak balas.

(5 markah)